

Tiga emas ubati kecewa Andre

Oleh MUHAMMAD RIDUAN MOHD. HANAFIAH

ATLET olahraga negara, Andre Anura Anuar mengakui tiga pingat emas yang diraih pada temasya Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022 semalam mengubati kekecewaannya di Sukan Komanwel Birmingham.

Andre yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) dilihat sedikit tertekan berikutan kegagalannya merekodkan sebarang catatan di Stadium Alexander, Birmingham selepas kesemua tiga percubaannya dalam acara lompat kijang dibatalkan.

Atlet berusia 21 tahun tersebut menegaskan 'badi' Sukan Komanwel masih terasa apabila dia berdepan masalah untuk melakukan lompatan ketika menyertai SUKIPT di Stadium Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Namun, Andre berjaya melepasi tekanan tersebut dan

melakukan lompatan sejauh 14.99 meter (m) untuk merangkul emas.

"Saya gembira dapat sumbang tiga emas dan ini penampilan pertama saya di SUKIPT. Memang saya sasar tiga pingat meskipun UPM meletakkan dua emas pada saya.

"Apapun, pada hari ini (semalam) bukan mudah untuk melakukan lompatan kerana debaran Sukan Komanwel itu masih ada. Pada saingan tersebut saya masih lakukan kesi-lapan dan lompatan kedua saya juga turut batal.

"Pada ketika itu, saya terfikir badi di Birmingham dan berharap agar ia tidak akan berulang. Nasib baik saya mampu lepas ke final serta mampu melakukan lompatan," katanya semalam.

Kelmarin, atlet kelahiran Sabah tersebut berjaya membutirkan pingat emas dalam acara 4x100 meter (m) lelaki dan turut menjuarai acara lompat jauh dengan catatan 7.04m.



ANDRE melengkapkan emas ketiganya di SUKIPT 2022 selepas menguasai acara lompat kijang semalam.